

Penerapan Kemahiran Empati Sejarah Sekolah Rendah (Implementation of Historical Empathy Skills in Primary School)

*ANITA DILAM ANAK JALAN

ABSTRAK

Kemahiran empati sejarah merupakan elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang perlu dikuasai oleh semua murid termasuklah di sekolah rendah. Sehubungan itu, kajian ini mengkaji penerapan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah di Sarawak. Penerapan kemahiran empati sejarah ini dilihat melalui dua aspek iaitu tahap kesediaan guru serta tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 113 orang guru sejarah sekolah rendah di Sarawak sebagai responden. Responden kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Instrumen soal selidik dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif (skor min dan sisihan piawai) menggunakan perisian SPSS 25.0. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi (min = 4.07 dan S.P = 0.574). Begitu juga, tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi (min = 4.21 dan S.P = 0.553). Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah berdasarkan gender serta tidak terdapat perbezaan antara kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu memperkukuhkan kompetensi diri terutamanya dari aspek pengetahuan pedagogi dalam bilik darjah dengan menggunakan pendekatan yang baharu dalam usaha menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah.

Kata Kunci: Penerapan; Empati sejarah; PdP Sejarah; Kesediaan; Kekerapan

ABSTRACT

Historical empathy skills are an element of Historical Thinking Skills (KPS) that must be mastered by all students including in primary school. Accordingly, this study examines the implementation of historical empathy skills in History's teaching and learning at primary schools in Sarawak. The implementation of historical empathy skills is observed through two aspects, namely the level of teacher readiness and the level of frequency with which teachers apply historical empathy skills in History's teaching and learning. This quantitative study uses a survey method involving 113 primary school history teachers in Sarawak as respondents. Study respondents were selected using a purposive sampling technique. The questionnaire instrument in this study was analysed descriptively (mean score and standard deviation) using SPSS 25.0 software. The results of the study found that the level of readiness of teachers to implement historical empathy skills in History's teaching and learning at primary schools is at a high level (mean = 4.07 and S.P = 0.574). Similarly, the level of frequency of teachers implementing historical empathy skills in History's teaching and learning at primary schools is at a high level (mean = 4.21 and S.P = 0.553). Next, this study found that there was no difference between the level of teachers' willingness to implement historical empathy skills in History's teaching and learning at primary school based on gender and there was no difference between the frequency of teachers implementing historical empathy skills in primary school based on teaching experience. The implications of this study have shown that teachers need to strengthen their teaching competency especially in terms of pedagogical knowledge in the classroom by using a new approach in the pursuit of implementing historical empathy skills in primary school.

Key Words: Implementation; Historical empathy; History's teaching; Readiness; Frequency

PENGENALAN

Mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah yang telah diperkenalkan melalui pelaksanaan kurikulum baharu, KSSR telah menjadikan mata pelajaran tersebut sebagai satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid Tahap II. Dalam pendidikan Sejarah, salah satu proses berfikir yang perlu dikuasai oleh murid ialah Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Penguasaan elemen dalam KPS akan membantu murid melihat sesuatu peristiwa masyarakat secara empati (KPM 2018). Hal ini menunjukkan bahawa empati sejarah merupakan sesuatu yang tidak boleh diketepikan dalam pengajaran Sejarah. Dalam konteks pembelajaran Sejarah, empati sejarah dapat diterapkan melalui penghayatan murid yang mendalam terhadap penglibatan tokoh dan juga peristiwa sejarah yang berlaku. Suci Ramadani dan Aisiah (2021) turut bersetuju bahawa pembelajaran sejarah merupakan pembelajaran yang harus dipelajari oleh murid untuk menumbuhkan empati terhadap peristiwa dan tokoh-tokoh sejarah. Oleh yang demikian, penerapan empati sejarah dalam kalangan murid perlu diberikan penekanan oleh guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah memandangkan elemen empati sejarah merupakan antara elemen penting melalui aspek rasionalisasi dalam kemahiran pemikiran sejarah (Khairunnajwa Samsudin 2017).

Walau bagaimanapun, penerapan empati dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah bukanlah sesuatu yang mudah khasnya di peringkat sekolah rendah. Namun, Lazarakou (2008) menyatakan bahawa kajian telah menunjukkan bahawa empati adalah kemampuan yang dapat diajar dan dipelajari oleh murid. Empati sejarah juga didorong oleh keinginan guru sejarah itu sendiri untuk menghidupkan sejarah dalam diri seseorang murid (Alsene 2017). Hal ini bermaksud guru sejarah berperanan penting terhadap penerapan kemahiran empati sejarah dalam kalangan murid. Menurut Harris (2016) ramai sarjana berpendapat bahawa guru tidak mendekati empati sejarah secara konsisten dan sesetengah guru tidak memahami prinsip empati sejarah. Begitu juga, Khairunnajwa Samsudin (2017) turut menyokong dengan menyatakan bahawa kemahiran empati sejarah ini masih lagi kurang diterjemahkan dengan baik oleh para guru. Keadaan ini telah mengakibatkan empati sejarah tidak dapat disampaikan kepada murid dengan baik.

Sehubungan itu, kajian ini akan mengkaji penerapan kemahiran empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah sekolah rendah di Sarawak. Penerapan kemahiran empati sejarah ini akan dilihat melalui dua aspek penting iaitu tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah serta tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah. Kajian ini juga merupakan satu usaha ke arah

penambahbaikan dalam pelaksanaan pengetahuan pedagogi sejarah guru untuk meningkatkan keberkesanan proses PdP sekali gus meningkatkan usaha menerapkan kemahiran empati sejarah khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan kemahiran empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sejarah sekolah rendah. Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah.
2. Mengenal pasti tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah.

TINJAUAN LITERATUR

EMPATI SEJARAH DALAM PENDIDIKAN SEJARAH DI MALAYSIA

Dalam konteks pembelajaran sejarah, empati membawa maksud memahami perspektif dan nilai seseorang pada masa lalu berdasarkan pertimbangan situasi serta keadaan yang mereka hadapi (Yilmaz, K. 2007; Cunningham, D. L. 2009; Alsene, M. 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan penyerapan kemahiran empati sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini dipersetujui oleh Siti Hawa Abdullah dan Aini Hassan (2007) yang menyatakan bahawa kesungguhan pihak KPM terhadap kemahiran empati sejarah serta keperluannya dapat dilihat melalui penggubalan semula kurikulum Sejarah pada tahun 2002 di peringkat sekolah menengah yang mengemas kini kedudukan dan definisi empati sejarah. Manakala, di peringkat sekolah rendah, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan dan menjadi salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid Tahap 2 melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2014.

Asas KPS yang digariskan melalui DKSP Sejarah Sekolah Rendah yang melibatkan empati ialah asas yang kelima iaitu imaginasi dan empati; yang merangkumi elemen imaginasi secara visual, mengembangkan kreativiti serta imaginasi berdasarkan perasaan. Murid akan dapat melihat sesuatu peristiwa masyarakat secara empati melalui penguasaan elemen dalam KPS (KPM 2018). Seterusnya, Siti Hawa Abdullah dan Aini Hassan (2007) mendefinisikan empati sejarah sebagai memerihalkan masa lalu dari perspektif nilai serta pengetahuan masa itu sendiri. Manakala, menurut KPM (2019) proses berfikir secara

empati pula didefinisikan sebagai satu proses murid menempatkan diri mereka secara imaginatif dalam sesuatu situasi dari perspektif tokoh atau peristiwa. Begitu juga, Shakila Che Dahalan et al. (2020) mengutarakan bahawa keupayaan seseorang murid untuk menganggap dirinya sebagai tokoh sejarah adalah tahap yang tertinggi dalam ciri empati sejarah.

PENERAPAN EMPATI SEJARAH DALAM KONTEKS EMPATI TOKOH DAN PERISTIWA

Melalui pandangan dan pendapat sarjana, empati sejarah amat berkait rapat dengan empati terhadap tokoh dan peristiwa sejarah. Endacott, J. dan Brooks, S. (2013) menyatakan bahawa empati sejarah merupakan satu proses kognitif dan afektif murid dengan watak (tokoh) atau peristiwa tertentu untuk menyelami seterusnya menghubungkan pengalaman tersebut. Dillenburg, M. (2017) turut menyatakan bahawa empati sejarah merupakan satu proses di mana seseorang terlibat secara kognitif, logik dan afektif atau emosional terhadap peristiwa atau tokoh sejarah untuk lebih memahami bagaimana orang-orang pada masa lalu berfikir, merasa, dan bertindak. Untuk lebih memahami dan mempunyai empati sejarah, seseorang murid perlu memahami fakta dan butiran peristiwa masa lalu (Indah Wahyu Puji Utami 2019).

Dalam konteks pembelajaran Sejarah, empati sejarah dapat diterapkan melalui penghayatan murid yang mendalam terhadap penglibatan tokoh dan juga peristiwa sejarah yang berlaku. Suci Ramadani dan Aisiah (2021) turut bersetuju bahawa pembelajaran sejarah merupakan pembelajaran yang harus dipelajari oleh murid untuk menumbuhkan empati terhadap peristiwa dan tokoh-tokoh sejarah. Kian Amboro (2019) menjelaskan bahawa empati sejarah (historical empathy) turut membabitkan proses memahami perihal bagaimana orang-orang pada masa lalu berfikir, merasai, membuat keputusan, bertindak serta menempuh akibatnya dalam konteks sejarah dan sosial. Begitu juga, Shakila Che Dahalan et al. (2020) menyatakan bahawa salah satu ciri empati sejarah ialah kebolehan murid mengetahui peristiwa dan tindakan tokoh sejarah. Melalui ciri tersebut, murid dapat memahami dan menjelaskan peristiwa yang berlaku.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Sherly Purwati dan Aisiah (2021) menyatakan bahawa penerapan empati sejarah dalam pembelajaran sejarah dapat membantu murid mengembangkan keupayaan mereka untuk merasai dan memahami peristiwa dan tindakan tokoh sejarah mengikut konteks masa. Sehubungan itu, berdasarkan tinjauan literatur yang telah dinyatakan dalam kajian ini, penerapan ciri empati sejarah yang perlu ditekankan oleh guru sejarah sekolah rendah dalam proses PdP adalah di peringkat asas yang berkaitan dengan empati murid terhadap tokoh dan peristiwa sejarah. Hal ini kerana penglibatan murid dalam sejarah adalah sesuatu yang amat

mencabar terutamanya pada peringkat perkembangan kanak-kanak yang berada di bawah umur lima belas tahun tidak mempunyai kemahiran kognitif yang kukuh untuk berfikir secara kritis dalam sejarah (Hallam, R. N. 1979; Yilmaz, K. 2007).

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumat kajian. Menurut Noraini Idris (2013) kajian tinjauan merupakan kaedah penyelidikan yang membabitkan pemerolehan data dari sesebuah populasi untuk memahami berkenaan suatu situasi terkini berhubung populasi. Kebenaran telah diberikan oleh responden serta pihak pentadbiran sekolah tempat kajian ini dijalankan.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian terdiri daripada guru mata pelajaran Sejarah sekolah rendah di Sarawak. Lokasi tersebut dipilih kerana berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji untuk memudahkan pengkaji untuk menjalankan urusan pengkajian. Kajian ini menggunakan saiz sampel kajian sekitar 113 dari populasi sebenar seramai 160 orang. Saiz populasi dan sampel telah ditentukan berpandukan Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Seterusnya, responden kajian juga telah ditentukan melalui teknik pensampelan bertujuan.

INSTRUMEN KAJIAN

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian ini. Instrumen tersebut terdiri daripada tiga bahagian utama, Bahagian A, B dan C. Spesifikasi item soal selidik dapat dilihat dalam Jadual 1. Semua soalan tersebut adalah jenis tertutup dan berdasarkan Skala Likert Lima Mata.

Jadual 1. Spesifikasi Item Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Bil Item	No. Item
Bah. A	Demografi Responden	3 Item	A1-A3
Bah. B	Tahap Kesediaan Guru Menerapkan Kemahiran Empati Sejarah	5 Item	B1-B5
	1) Pengetahuan Guru	5 Item	B6-B10
	2) Sikap Guru	5 Item	B11-B15
	3) Kemahiran Pedagogi Guru		
Bah. C	Tahap Kekerapan Penerapan Kemahiran Empati Sejarah	5 Item	C16-C20
	1) Menghargai Perjuangan Tokoh Terdahulu	5 Item	C21-C25
	2) Menghayati Peristiwa Bersejarah		

Pengkaji telah membina soalan soal selidik dengan menggunakan Google Form bagi memudahkan pengedaran borang soal selidik melalui atas talian. Pengkaji telah menggunakan aplikasi WhatsApp untuk mengedarkan soal selidik tersebut. Soal selidik tersebut telah diteliti, disemak serta disahkan oleh pakar bidang Sejarah.

KAJIAN RINTIS DAN KEBOLEHPERCAYAAN ITEM

Sebelum soal selidik disebarkan kepada responden kajian, satu kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis ini bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Sampel kajian bagi kajian rintis ini melibatkan 11 orang guru Sejarah sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Data yang dipungut hasil daripada kajian rintis telah dianalisis bagi mengukur kebolehpercayaan alat kajian. Alat kajian ini dinilai dengan menggunakan nilai Pekali *Cronbach Alpha*. Menurut Pallant (2007) untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item, nilai indeks alpha sebanyak 0.7 atau ke atas ialah pada tahap yang baik. Jadual 2 menunjukkan analisis dapatan kajian rintis yang memperoleh jumlah keseluruhan tahap kebolehpercayaan yang baik iaitu .976.

Jadual 2. Analisis nilai Cronbach's Alpha mengikut konstruk soal selidik

Bahagian	Konstruk	Bil. Item	Cronbach's Alpha
Bah. B	Tahap Kesediaan Guru Menerapkan	15 item	.937
Bah. C	Kemahiran Empati Sejarah Tahap Kekerapan Penerapan Kemahiran Empati Sejarah	10 item	.959
Jumlah Keseluruhan		45 item	.976

ANALISIS DATA

Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 25.0 telah digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif untuk menerangkan skor min dalam menganalisis tahap penerapan kemahiran empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kalangan guru sejarah sekolah rendah di Sarawak. Skor min yang diperoleh dikodkan semula kepada tiga tahap: rendah, sederhana, dan tinggi (Pallant 2007) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Pallant (2007)

Statistik inferensi pula akan menentukan sama ada terdapat perbezaan antara tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah berdasarkan gender serta kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Ujian-t dan ANOVA sehalu telah dipilih untuk analisis statistik inferensi dalam kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif yang membabitkan pengiraan min dan sisihan piawai dilakukan secara berasingan mengikut setiap konstruk dalam menentukan tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah yang merangkumi konstruk pengetahuan guru, sikap guru dan kemahiran pedagogi. Analisis data bagi objektif kedua turut dilakukan secara berasingan untuk menentukan tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah yang merangkumi dua konstruk iaitu menghargai perjuangan tokoh tempatan dan menghayati peristiwa bersejarah.

TAHAP KESEDIAAN GURU MENERAPKAN KEMAHIRAN EMPATI SEJARAH DALAM PDP SEJARAH SEKOLAH RENDAH

Jadual 4 menunjukkan purata min skor tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah.

Jadual 4. Tahap Kesediaan Guru Menerapkan Kemahiran Empati Sejarah dalam PdP Sejarah Sekolah Rendah

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap Pengetahuan Guru	4.07	0.605	Tinggi
Sikap Guru	4.00	0.632	Tinggi
Kemahiran Pedagogi Guru	4.14	0.634	Tinggi
Purata Skor Min	4.07	0.574	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa setiap konstruk dalam tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi. Konstruk yang memiliki min yang paling tinggi ialah “kemahiran pedagogi guru” (min = 4.14 dan S.P = 0.634). Manakala, konstruk yang memiliki min paling rendah ialah “sikap guru” (min = 4.00 dan S.P = 0.632). Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi (min = 4.07 dan S.P = 0.574).

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Suhaida Mohd Sahid dan Shahabuddin Hashim (2022) yang menyatakan bahawa tahap sikap guru Sejarah sangat tinggi dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang turut meliputi kemahiran empati sejarah. Sikap yang positif ini merupakan hasil daripada tahap kesediaan guru yang tinggi dalam menerapkan sesuatu kemahiran dalam proses PdP di dalam bilik darjah (Jordan Maria dan Anuar Ahmad 2019; Nur Hawa Hanis dan Ghazali 2018). Seterusnya, hasil dapatan kajian ini juga turut menyamai dapatan kajian Muhamad Yazid Khalil (2018) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru sejarah sekolah rendah untuk menerapkan KPS dalam kalangan murid berada pada tahap tinggi, termasuklah aspek kemahiran imaginasi yang merangkumi kemahiran empati sejarah. Tahap pengetahuan guru merupakan satu aspek penting yang akan memberi impak positif terhadap penerapan sesuatu kemahiran, khasnya kemahiran empati sejarah di dalam PdP Sejarah.

Hal ini turut dinyatakan oleh Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad dan Norasmah Othman (2021) bahawa aspek kemahiran guru merupakan salah satu domain yang dapat mempengaruhi keberkesanan dan pelaksanaan sesuatu kaedah PdP di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan serta mempunyai pemahaman yang jelas tentang penerapan kemahiran pemikiran sejarah khasnya kemahiran empati adalah amat penting (Muhammad Ridzuan Idris et al. 2021). Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mempunyai sedikit perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Mahzan Awang et al. (2021) yang menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru Sejarah pada tahap yang sederhana.

Hasil implikasi kajian tersebut menyatakan bahawa guru sejarah perlu mengukuhkan kompetensi pengetahuan pedagogi dari segi pengetahuan isi kandungan sejarah untuk melaksanakan nilai empati Sejarah di dalam bilik darjah. Begitu juga, melalui perbandingan secara langsung dengan kajian M. Kaviza (2018), hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa tahap KPS dalam kalangan guru sejarah di peringkat sekolah menengah adalah di tahap yang sederhana. Dapatan ini mempunyai sedikit perbezaan

mingkin disebabkan oleh faktor perbezaan sampel kajian, yang mana kajian ini telah menunjukkan hasil yang lebih positif dengan mendapati bahawa tahap kemahiran guru sejarah sekolah rendah berada pada tahap yang tinggi.

TAHAP KEKERAPAN GURU MENERAPKAN KEMAHIRAN EMPATI SEJARAH DALAM PDP SEJARAH SEKOLAH RENDAH

Jadual 5 menunjukkan purata min skor tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah.

Jadual 5. Tahap Kekerapan Guru Menerapkan Kemahiran Empati Sejarah dalam PdP Sejarah Sekolah Rendah

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Menghargai perjuangan tokoh tempatan	4.15	0.622	Tinggi
Menghayati peristiwa bersejarah	4.28	0.542	Tinggi
Purata Skor Min	4.21	0.553	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan bahawa setiap konstruk dalam tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada pada tahap tinggi. Konstruk yang memiliki min yang paling tinggi ialah “menghayati peristiwa bersejarah” (min = 4.28 dan S.P = 0.542). Manakala, konstruk yang memiliki min paling rendah ialah “menghargai perjuangan tokoh tempatan” (min = 4.15 dan S.P = 0.622). Secara keseluruhannya, tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi (min = 4.21 dan S.P = 0.553).

Hasil dapatan ini dikukuhkan oleh kajian M. Kaviza (2020a) yang telah mengkaji persepsi beberapa orang guru sejarah dengan mendapati bahawa tahap penerapan kemahiran membuat imaginasi secara visual dan empati dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian tersebut mempamerkan keupayaan serta kemampuan guru-guru sejarah untuk menerapkan kemahiran empati sejarah dalam kalangan murid melalui pelaksanaan kaedah pedagogi yang efektif dan bersesuaian selari dengan dapatan kajian ini (M. Kaviza 2020a). Begitu juga, dapatan kajian ini turut mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Suhaida Mohd Sahid dan Shahabuddin Hashim (2022) yang menunjukkan bahawa kemahiran empati sejarah yang merupakan elemen dalam KPS telah diterapkan secara konsisten oleh guru sejarah kepada murid-murid dalam PdP Sejarah. Melalui

kajian tersebut juga, hasil pemerhatian menunjukkan bahawa guru Sejarah yang mengajar Sejarah hanya konsisten menerapkan elemen KPS tertentu sahaja seperti membuat imaginasi yang merangkumi kemahiran empati sejarah.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini mempunyai sedikit perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh Bartelds, Savenije dan Boxtel (2020) di sebuah sekolah menengah di Belanda. Kajian tersebut mendapati bahawa walaupun hampir separuh daripada responden yang terdiri daripada guru Sejarah mengetahui kaedah yang sesuai untuk menerapkan empati sejarah, mereka juga telah menjelaskan bahawa penerapan kemahiran empati tersebut bukan satu kelaziman dalam proses PdP Sejarah. Begitu juga, dapatan kajian ini turut mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh Khairunnajwa Samsudin (2017) yang mendapati bahawa hubungan antara amalan PdP guru di dalam kelas dengan amalan nilai empati sejarah dalam kalangan murid sekolah menengah berada pada tahap rendah. Kedua-dua dapatan kajian tersebut adalah sedikit berbeza dengan hasil dapatan kajian ini yang mendapati bahawa tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah adalah di tahap tinggi.

PERBEZAAN ANTARA TAHAP KESEDIAAN GURU MENERAPKAN KEMAHIRAN EMPATI SEJARAH DALAM PDP SEJARAH SEKOLAH RENDAH MENGIKUT GENDER

Seterusnya, Jadual 6 menunjukkan perbezaan tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah mengikut gender. Hasil analisis data kajian telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah

rendah mengikut gender, dengan nilai $-t = -0.944$ dan $\text{sig} = 0.347$ ($P > 0.05$). Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa hipotesis nol adalah diterima.

Jadual 6 menunjukkan perbezaan tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah berdasarkan gender. Analisis data menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah mengikut pengelasan gender, dengan nilai $-t = -0.944$ dan $\text{sig} = 0.347$ ($P > 0.05$). Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa hipotesis nol adalah diterima. Guru Sejarah sekolah rendah tidak kira lelaki atau perempuan mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah.

Hasil kajian ini diperkukuhkan lagi melalui kajian yang dijalankan oleh Mohd Fauzi Ali, Abdul Razak Ahmad dan Mohamad Iskandar Shah Sitam (2015) yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan di antara kompetensi guru sejarah mengikut jantina. Begitu juga, kajian M. Kaviza (2020b) mendapati bahawa tidak ada perbezaan bagi kesediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam PdP Sejarah berdasarkan jantina guru. Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa guru Sejarah tidak mengira jantina dilihat sentiasa bersedia dan tidak mempunyai permasalahan untuk menerapkan sesuatu kemahiran dalam PdP Sejarah termasuklah menerapkan kemahiran empati sejarah.

PERBEZAAN ANTARA KEKERAPAN GURU MENERAPKAN KEMAHIRAN EMPATI SEJARAH DALAM PDP SEJARAH SEKOLAH RENDAH MENGIKUT PENGALAMAN MENGAJAR

Jadual 7 berikut mempamerkan hasil dapatan ujian ANOVA bagi kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah mengikut pengalaman mengajar.

Jadual 6. Tahap Perbezaan antara Tahap Kesediaan Guru Menerapkan Kemahiran Empati Sejarah dalam PdP Sejarah Sekolah Rendah Mengikut Gender

Aspek	Gender Responden	N	Min	S. D	S. E	Df	t	Sig. (2-tailed)
Tahap Kesediaan Guru	Lelaki	51	4.01	0.654	0.091	111	-0.944	0.347
	Perempuan	62	4.11	0.499	0.063			

Jadual 7. Ujian ANOVA Kekerapan Guru Menerapkan Kemahiran Empati Sejarah Dalam PdP Sejarah Sekolah Rendah Mengikut Pengalaman Mengajar.

Kekerapan Guru Menerapkan Kemahiran Empati	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	0.438	2	0.219	0.712	0.493
Dalam Kumpulan	33.872	110	0.308		
Jumlah	34.310	112			

Berdasarkan Jadual 7, hasil analisis kajian mempamerkan bahawa tiada perbezaan antara kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah mengikut pengalaman mengajar, nilai signifikan = 0.493 ($P > 0.05$). Maka, hipotesis nol gagal ditolak. Hal ini bermakna faktor tempoh pengalaman mengajar seseorang guru tidak memberi impak terhadap tahap kekerapan guru tersebut untuk menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP sejarah sekolah rendah.

Dapatan kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Lisa Yip Shukye (2014) yang mendapati tidak ada perbezaan di antara guru berpengalaman dan guru kurang berpengalaman dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah (KPS) yang turut merangkumi kemahiran empati sejarah dalam kalangan murid-murid. Begitu juga, kajian M. Kaviza (2018) turut menyamai dapatan kajian ini dengan menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara tahap KPS guru mengikut pengalaman mengajar guru. Seterusnya, hasil dapatan kajian ini turut mengukuhkan lagi kajian Zahara Aziz Nik dan Azleena Nik Ismail (2007) yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara tahap pengetahuan serta pedagogi guru Sejarah yang mempunyai pengalaman mengajar Sejarah kurang dari 10 tahun atau melebihi 10 tahun. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengalaman mengajar guru tidak mempengaruhi tahap kekerapan guru menerapkan sesuatu kemahiran sejarah dalam PdP Sejarah.

KESIMPULAN

Kajian yang dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah penerapan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah. Analisis deskriptif yang telah dilakukan jelas memperlihatkan tahap kesediaan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada di tahap yang tinggi. Begitu juga, tahap kekerapan guru menerapkan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah turut berada pada tahap tinggi. Dari perspektif pengkaji, penerapan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah berada pada landasan yang betul serta mempunyai ruang untuk berkembang. Memandangkan kemahiran empati sejarah bukanlah sesuatu kemahiran yang muncul dengan sendirinya dalam diri murid, guru Sejarah sesungguhnya memainkan peranan yang amat penting untuk menerapkan kemahiran tersebut. Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa penerapan kemahiran empati sejarah dalam PdP Sejarah sekolah rendah telah dilaksanakan dengan baik oleh guru Sejarah. Walau bagaimanapun, kajian ini masih dapat diteruskan dengan membuat satu kajian analisis keperluan pembangunan

model penerapan kemahiran empati sejarah di peringkat sekolah rendah. Analisis keperluan ini dapat menjadi panduan kepada guru Sejarah sekolah rendah untuk menerapkan kemahiran empati sejarah dengan lebih berstruktur dan berkesan dalam proses PdP Sejarah.

RUJUKAN

- Alsene, M. 2017. Exploring Historical Empathy in Secondary Education. Tesis Sarjana, Southeastern University.
- Cunningham, D. L. 2009. An Empirical Framework for Understanding How Teachers Conceptualize and Cultivate Historical Empathy in Students. *Journal of Curriculum Studies*. 41(5): 679-709.
- Dillenburg, M. 2017. Understanding Historical Empathy in The Classroom. Tesis Dr Fal, Boston University.
- Elisabeth D. Lazarakou. 2008. Empathy as a Tool for Historical Understanding: An Evaluative Approach of the Ancient Greek Primary History Curriculum. *International Journal of Social Education*. 23(1): 27-50.
- Endacott, J., & Brooks, S. 2013. An Updated Theoretical and Practical Model for Promoting Historical Empathy. *Social Studies Research and Practice*. 8: 41-58.
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad dan Norasmah Othman. 2021. Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(1): 194-205. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.632>
- Hallam, R. N. 1979. Attempting to Improve Logical Thinking in School History. *Research in Education*. DOI: <https://doi.org/10.1177/003452377902100101>
- Hanneke Bartelds, Geerte M. Savenije dan Carla van Boxtel. 2020. Students' and Teachers' Beliefs About Historical Empathy in Secondary History Education. *Theory & Research in Social Education*. 48(4): 529-551.
- Harris, B. K. 2016. Teacher Strategies for Developing Historical Empathy. Tesis Dr. Fal, Walden University.
- Indah Wahyu Puji Utami. 2019. Teaching Historical Empathy Through Reflective Learning. *Paramita: Historical Studies Journal*. 29(1): 1-9.
- Jordan Maria dan Anuar Ahmad. 2019. Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Isu Dan Masalah. *Proceedings of The International Conference of Future Education and Advances*, hlm. 242-248.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *KSSR: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DKSP) Sejarah Tahun 4*. Putrajaya: Badan Pembangunan Kurikulum.
- Khairunnajwa Binti Samsudin. 2017. Amalan Nilai Empati Sejarah Sekolah Menengah. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lisa Yip Shukye. 2014. Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-Guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Murid-Murid. *Jurnal Pendidikan Kent*. 13: 37-49.
- M. Kaviza. 2018. Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM-Journal of Social Science (EJOSS)*. 4: 40-47.
- M. Kaviza. 2020a. Persepsi Guru terhadap Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Sumber. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(12): 413-422. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.653>
- M. Kaviza. 2020b. Kesediaan Guru Sejarah Terhadap Penggunaan Google Classroom. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(8): 133-139. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i8.657>
- Mohd Fauzi Ali, Abdul Razak Ahmad dan Mohamad Iskandar Shah Sitam. 2015. Pengetahuan Kompetensi Ke Arah Peningkatan Aplikasi Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sejarah. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, hlm. 285-299.
- Mohd Mahzan Awang et al. 2021. Pengetahuan Pedagogi Guru Dan Amalan Empati Sejarah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *JURNAL WACANA SARJANA*. 5(4): 1-12.
- Muhammad Ridzuan Idris et al. 2021. Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Guru Sejarah: Isu Dan Cabaran. Jabatan Sains Sosial, IPG Kampus Kota Bahru. Diakses di https://www.researchgate.net/publication/349822305_KEMAHIRAN_PEMIKIRAN_SEJARAH_DALAM_KALANGAN_GURU_SEJARAH_ISU_DAN_CABARAN [13 Oktober 2022].
- Muhamad Yazid Khalil. 2018. Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'18)*, hlm. 1-12.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Nur Hawa Hanis dan Ghazali. 2018. Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 6(3): 22-31.
- Pallant, J. 2007. *SPSS survival manual-A step by step guide to data analysis using SPSS for windows (3rd ed.)*. Maidenhead: Open University Press.
- Shakila Che Dahalan et al. 2020. Historical Empathy Based on Gender in Selangor, Malaysia. *Educational Development & Innovative Technological Applications for Improving Societal Wellbeing*, 1(16): 167-172.
- Siti Hawa Abdullah dan Aini Hassan. 2007. Empati Sejarah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 22: 61-74.
- Suci Ramadani dan Aisiah. 2021. Pengembangan Instrumen Penilaian Empati Sejarah Peserta Didik SMA Berdasarkan Video Pembelajaran. *Kronologi*. 3(3): 258-271.
- Suhaida Mohd Sahid dan Shahabuddin Hashim. 2022. Sikap Guru Sejarah Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(11): 1-12. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898>
- Yilmaz, K. 2007. Historical Empathy and Its Implications for Classroom Practices in Schools. *The History Teacher*. 40(3): 331-227.
- Zahara Aziz Nik dan Azleena Nik Ismail. 2007. Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-Guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*. 32: 119-137.

Anita Dilam Anak Jalan
Sekolah Kebangsaan Nanga Pakan, Julau, Sarawak

*Penulis Perhubungan: anitadilam@gmail.com

Dihantar: 16 Januari 2025

Dinilai: 10 Februari 2025

Diterima: 26 Februari 2025

Diterbitkan: 30 Mei 2025